



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

PERANAN NGO DIKTIRAF PERKUKUH AGENDA PEMBANGUNAN WANITA

PUTRAJAYA , 20 NOVEMBER - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Penduduk Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah meraikan dan memberi pengiktirafan kepada NGO atas komitmen dan sumbangan mereka dalam memperkukuh agenda pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat pada Majlis Pengiktirafan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Rakan Strategik KPWKM Berprestasi Cemerlang yang telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad.

YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad dalam ucapannya berkata, NGO berperanan penting dalam pembangunan sosial negara kerana mereka berfungsi sebagai jambatan antara rakyat dan kerajaan dalam menyampaikan aspirasi, keperluan serta cabaran hidup sebenar yang dihadapi oleh komuniti. NGO membantu dalam memastikan tiada golongan yang terpinggir daripada arus pembangunan melalui kecekapan, keikhlasan dan semangat kesukarelaan. Sebanyak 35 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang telah membantu dan memainkan peranan dalam menjayakan pelbagai inisiatif Kementerian telah menerima sijil penghargaan pada majlis ini.

Sumbangan besar NGO dalam memperkukuh jaringan perlindungan sosial negara amatlah dihargai oleh KPWKM. Ini kerana NGO menjadi rakan strategik yang sering membantu kementerian melaksanakan pelbagai inisiatif untuk kesejahteraan masyarakat, memperkasa wanita, memelihara kebajikan kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya dan golongan rentan yang merupakan kumpulan sasar kementerian. KPWKM juga melihat peranan NGO sebagai peneraju dalam memupuk

kesedaran masyarakat terhadap nilai kasih sayang, empati dan tanggungjawab sosial.

KPWKM sentiasa komited dalam memperkukuh hubungan strategik dengan NGO melalui pelbagai bentuk kolaborasi terutamanya dalam pelaksanaan program-program pembangunan komuniti dan pemerdayaan wanita. KPWKM juga menyokong inisiatif mereka agar impak yang dihasilkan dapat diperluas dan dinikmati oleh lebih ramai golongan yang memerlukan dan membantu mereka di luar sana.

Turut hadir YBrs.Puan Farah Adura binti Hamidi, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), YBrs. Puan Hanani binti Sapit, Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), YBhg. Dato'Abdul Shukur bin Abdullah, Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), YBrs Puan Rosmahwati binti Ishak, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JKM, pegawai-pegawai Kanan Kementerian serta wakil-wakil agensi kerajaan dan rakan strategik Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

#####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
20 NOVEMBER 2025**